

Menangani krisis air

Oleh SITI MARIAM MD. ZAIN

ISU air berbau seperti yang berlaku di beberapa kawasan sekitar Lembah Klang dan Putrajaya baru-baru ini sewajarnya menjadi pengajaran kepada semua.

Sering kali jika timbul satu-satu isu, yang menjadi sasarannya ialah pihak yang berada paling hampir dengan punca masalah itu.

Berkaitan kes air berbau ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meletakkan kesalahan kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), iaitu pihak yang mengelola pengurusan air di kawasan terbabit.

Dalam satu kenyataan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjelaskan masalah air berbau disebabkan oleh tahap kandungan ammonia dalam air sungai yang tinggi telah bertindak balas dengan klorin.

Tahap kandungan ammonia di Sungai Selangor yang menyalurkan air ke beberapa kawasan Lembah Klang yang diambil pada 25 Februari lalu mencatatkan

negeri Selangor dan Syabas mahu punca dari mana ammonia itu datang, disiasat.

Malah katanya, JAS adalah pihak yang bertanggungjawab menjalankan kajian awal bagi menentukan status air sungai secara keseluruhannya.

Senario yang berlaku antara ketiga-tiga pihak terbabit iaitu kementerian, agensi kerajaan (JAS) dan Syabas (syarikat swasta) seperti masing-masing cuba 'melepaskan diri'.

Jika diperhatikan senario ini, hakikatnya, inilah masalah utama yang dihadapi iaitu soal mengambil tanggungjawab masing-masing jarang dipraktikkan.

Tiada pihak yang berani atau sanggup mengakui kesilapan. Akhirnya masalah yang wujud bukan sahaja berlanjutan malah semakin serius. Yang menjadi mangsa ialah rakyat - kita semua.

Jika proses tuding-menuding mencari kesalahan orang lain ini berterusan, maka matlamat untuk menjadi negara maju yang menekankan konsep Islam Hadhari menjelang 2020 pastinya sukar direalisasikan.

pa salah tetapi bagaimana ia berlaku.

"Masalah sekarang ialah kita tiada pengurusan bersepadu di peringkat makro. Ini penting jika tidak, hasrat untuk menjadi negara maju dengan rakyat berfikir dunia kelas pertama akan terencat," katanya.

Menjurus persoalan ini lebih mendalam, sebenarnya ramai yang bersetuju bahawa undang-undang sedia ada sudah cukup untuk menghalang bencana buruk berlaku.

Malangnya kelemahan penguatkuasaan sering menggagalkan usaha murni itu.

"Sekarang ini bukan undang-undang yang harus dipersoalkan, tetapi yang lebih penting ialah memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan," kata Hamidi.

Tegas beliau, usaha itu pula hanya akan dapat dicapai sekiranya semua pihak dapat memahami 'konsep sistem' itu sendiri.

Sumber

"Maksudnya kita faham tugas masing-masing. Sekiranya satu pihak gagal melaksanakan tugas mereka, pihak yang lain juga terkena kesannya," ujar beliau.

Tidak dinafikan kebelakangan ini kita sering didedahkan dengan banyak kes melibatkan pencemaran air.

Punca pencemaran sungai yang teruk datang daripada pelbagai sumber. Daripada pembuangan sampah yang tidak bersepatu sehingga kepada sikap tidak bertanggungjawab pihak industri dan penternak terutama yang terletak berdekatan sungai.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) turut tidak terkecuali memperkatakan tentang keadaan alam sekitar di negara ini.

"Apa yang berlaku kepada sumber air di negara ini amat menyentuh hati saya. Ia sangat menyedihkan," keluh Abdullah.

Keluhan itu sepatutnya cukup untuk memberi mesej kepada kita betapa faktor pencemaran terutamanya yang memba-

bitkan air kini membimbangkan.

Juga bahawa air bukan sahaja berfungsi sebagai penyambung nyawa manusia tetapi melangkaui peranan ke arah proses memudahkan urusan pembangunan negara.

Ketika ini, tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi mengatasi masalah sumber air berbau ialah dengan menutup pusat pelupusan sampah yang dikatakan punca pencemaran atau *leachate*.

Pusat pelupusan sampah Hulu Kempong yang sebelum ini menimbulkan kritikan diarah tutup Disember ini.

Namun jika setiap kali masalah air berbau dihadapi, setiap kali itu juga tindakan sama diambil, maka masalah ini dilihat tidak akan selesai sampai bila-bila.

Malah ia akan timbul dari semasa ke semasa dalam wajah baru dengan pokok persoalan serupa iaitu pencemaran sungai.

Biarpun Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) akan menggunakan teknologi bahan bakar terbitan atau *Refuse Derived Fuel* (RFD) yang berfungsi menukar bahan bakar kepada sumber tenaga bagi menangani masalah pelupusan sampah, namun kesannya mungkin bersifat sementara.

Banjir

Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air (IPASA), Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Dr. Zaini Ujang berkata, punca pencemaran air yang paling ketara adalah akibat perubahan guna tanah dari hutan simpan kepada aktiviti seperti pertanian, perumahan dan industri.

Menurutnya lagi, krisis air bukan sahaja melibatkan masalah bau tetapi juga banjir selain kemarau panjang seperti yang berlaku pada tahun 1997.

Sehubungan itu, beliau yang juga Naib Presiden Persatuan Air Antarabangsa mencadangkan agar Pelan Induk Nasional Pengurusan Kawasan Tadahan Air digubal untuk menjadi satu garis panduan lebih efisien dalam menguruskan kawasan tadahan air.

Lebih-lebih lagi apabila akhbar Britain, *The Independent* baru-baru ini melaporkan, sungai utama dunia semakin cetek sehingga ke tahap membimbangkan dan bakal mengancam kehidupan seluruh makhluk di bumi.

"Keadaan sungai dunia kini umpama bencana yang bakal menjelma," kata Ketua Pengarah Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Klaus Toepfer.

Dalam hubungan ini, masalah pencemaran air sungai bukanlah satu isu baru bahkan telah bertapak selari dengan kemajuan pesat pembangunan negara.

Yang pasti, krisis kualiti bekalan air yang tidak mencapai tahap kepuasan pengguna telah mula mengisi dimensi pengurusan air di Malaysia. Dan ini mungkin merupakan satu lembaran baru ke arah masa depan dalam menangani masalah pencemaran air.

Namun jika tidak dikendalikan dengan berkesan, ia tentu menjadi satu lagi isu yang bakal mengundang malapetaka.

Ditambah pula dalam keadaan tarif air yang dijangka naik sedikit masa lagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet bagi membincangkan isu pencemaran air busuk ammonia di Sungai Semenyih 28 April ini.

Harapan kita ialah semoga pertemuan tersebut akan menemukan satu titik tolak ke arah memastikan kehidupan rakyat Malaysia lebih sempurna dan berkualiti.

Paling penting, selepas ini rakyat tidak lagi tertanya-tanya siapa sebenarnya bertanggungjawab menyebabkan sungai tercemar - Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, JAS, Syabas, industri atau pihak-pihak lain!

Jika setiap kali masalah air berbau dihadapi, setiap kali itu juga tindakan sama diambil, maka masalah ini tidak akan selesai sampai bila-bila.

paras 9.2 miligram perliter manakala kejadian kedua membabitkan Sungai Semenyih pada tarikh 15 April lalu pula pada tahap 4.8mg.

Kedua-dua catatan tersebut berada di paras berbahaya kerana tahap kandungan normal hanyalah sekitar 1.5mg perliter.

Sebagai pihak yang 'dipersalahkan', Syabas tentulah menafikannya. Alasan syarikat ialah tanggungjawab tersebut bukan di bawah bidang kuasa mereka. Tugas mereka hanya merawat air, maksudnya sekadar menentukan status air mentah di tahap tidak tercemar.

Pengerusi Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali Ismail berkata, sumber air mentah berada di bawah bidang kuasa kerajaan

Hakikatnya, untuk mencapai kemakmuran holistik, kerjasama secara bersepadu memainkan peranan penting.

Hal ini turut ditekankan oleh Ketua Unit Alam Sekitar Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar Universiti Utara Malaysia (UUM), Hamidi Ismail.

Menurut beliau, sudah sampai masanya semua pihak sama ada terlibat secara langsung atau tidak mengambil sikap mengetepikan kepentingan individu.

"Alam sekitar adalah tanggungjawab semua. Bukan pihak berkuasa atau pihak tertentu sahaja yang terlibat. Dalam hal ini semua memerlukan air," katanya.

Justeru, persoalan yang harus dibangkitkan sepatutnya bukanlah tentang sia-

Malaysia Kita

Oleh MARO

